

Perketat lesen B kementerian Pengangkutan cadang naik had umur daripada 16 kepada 19 tahun

Kementerian Pengangkutan bercadang menaikkan umur pemilikan lesen memandu motosikal berkuasa tinggi (Kelas B) daripada 16 tahun kepada 19 tahun Timbalan Menterinya Datuk Aq Aziz Kaprawi berkata, ia susulan daripada kajian awal dijalankan yang mendapati penunggang berusia bawah 19 tahun mernpunyai fizikal kurang sesuai untuk menunggang motosikal berkuasa tinggi.

"Bagaimanapun, kementerian akan melakukan kajian lanjut dan mengambil kira pandangan semua pihak termasuk agensi penguatkuasaan. Cadangan ini akan diteliti dan satu kajian lanjut akan dibuat tahun ini, keputusannya akan diperoleh selewat-lewatnya hujung tahun ini. Pada masa sama, kami akan mengumpul maklumat dan pandangan pelbagai pihak termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta beberapa agensi kerajaan lain berkaitan perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Bengkel Penyediaan Intervensi Bagi Pelan Strategi Keselamatan Jalan Raya (Kluster NBOS) Daerah Batu Pahat di Hotel Pine Tree, di sini semalam.

Menurut beliau, perubahan itu untuk kebaikan semua pihak selepas kajian awal mendapati tubuh remaja negara ini terlalu kecil dan kurang sesuai menunggang motosikal berkuasa tinggi serta dikhuatiri menjadi penyumbang kemalangan jalan raya.

Pada bengkel itu, satu perkongsian maklumat antara 13 agensi kerajaan dijalankan bagi mengurangkan kadar kematian membabitkan Batu Pahat yang juga daerah tertinggi kemalangan maut di negara ini iaitu 205 kematian.

SUMBER : HARIAN METRO | M/S: 38 | 15 FEBRUARI 2017